

## BATASAN PERGAULAN DI ALAM MAYA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

<sup>1</sup>Zurita binti Mohd Yusoff

<sup>2</sup>Fatin Nabilah binti Fauzi

<sup>3</sup>Siti Fatimah binti Salleh

<sup>4</sup>Normadiah binti Daud

<sup>5</sup>Tg. Fatimah Muliana binti

<sup>6</sup>Tg. Muda Nadhirah binti Nordin

<sup>1,2,3,4,5,6</sup>Universiti Sultan Zainal Abidin

E-mail: zurita@unisza.edu.my

**Abstrak:** Teknologi maklumat merupakan satu perkara yang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia di zaman kini. Perkembangan pesat dunia alam maya telah membawa perubahan yang positif kepada kehidupan manusia. Dengan penggunaan Internet, urusan kehidupan menjadi lebih mudah, cepat dan menjimatkan kos. Namun apabila jaringan perhubungan manusia menjadi semakin luas, banyak juga kesan negatif yang berlaku hasil daripada perkembangan teknologi maklumat. Pergaulan di antara lelaki dan wanita di alam maya berlaku seluasnya dan turut membawa implikasi yang negatif sekiranya tidak dikawal. Hukum pergaulan di antara lelaki dan wanita secara umumnya telah dijelaskan di dalam al-Quran dan hadis. Namun, persoalan timbul apakah hukum pergaulan di antara kedua-duanya di alam maya yang berlaku tanpa pertemuan secara fizikal? Kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji apakah hukum pergaulan di antara lelaki dan wanita di alam maya dan seterusnya menggariskan batasan pergaulan di antara keduanya berdasarkan perspektif Syarak. Kaedah yang digunakan untuk mengumpul data-data ialah kaedah analisis dokumen iaitu dengan cara merujuk kepada kitab-kitab dalam mazhab Shafie tentang hukum pergaulan di antara lelaki dan wanita. Buku-buku berkaitan interaksi dan pergaulan melalui Internet juga diteliti untuk mendapatkan data-data yang sahih. Dalam proses menganalisis data, penulis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil penulisan ini mendapati Syarak membenarkan lelaki dan wanita bergaul di alam maya sekiranya terdapat keperluan. Namun, terdapat batasan-batasan tertentu dalam pergaulan mereka agar tidak berlaku fitnah, maksiat dan gejala-gejala negatif yang akhirnya boleh membawa kemudaratan di dunia dan akhirat.

**Kata Kunci :** *pergaulan, alam maya, islam*

## PENDAHULUAN

Penggunaan kemudahan teknologi dan maklumat dalam kehidupan hari ini telah menjadi satu keperluan bagi setiap individu sama ada lelaki atau wanita. Medium-medium perhubungan melalui alam maya seperti e-mel, Facebook, Twitter, Instagram, *short message system (sms)*, whatsapp dan telegram telah digunakan secara meluas oleh masyarakat hari ini. Kecanggihan dunia teknologi maklumat yang begitu pantas berkembang telah banyak memudahkan dan mempercepatkan urusan manusia. Namun, terdapat juga kesan-kesan negatif terhadap pengguna hasil daripada meluasnya penggunaan IT. Pergaulan dan interaksi bebas di antara lelaki dan wanita yang bukan mahram di alam maya adalah salah satu gejala negatif yang berlaku walaupun kedua-dua pihak ini tidak bertemu secara fizikal. Islam sebagai agama yang syumul telah menggariskan panduan bagaimana pergaulan yang dibenarkan di antara lelaki dan wanita yang bukan mahram.

## HASIL DAN PEMBAHASAN

### Konsep Pergaulan di antara Lelaki dan Wanita

Pergaulan dalam Bahasa Arab berasal daripada perkataan *خطا – يخط – خط* yang bermaksud 'bercampur'. Percampuran dari segi Bahasa boleh berlaku dalam kalangan manusia, haiwan atau benda (Abd Rauf et.al, 2011). Menurut Muhammad Ibn Syami Syaibah (2010), terdapat beberapa takrifan oleh ulama fiqh tentang konsep pergaulan. Syeikh Abdullah bin Jarullah mentakrifkan ikhtilat sebagai perjumpaan di antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram atau perjumpaan di antara lelaki dan perempuan tanpa mahram di satu tempat dengan berlaku interaksi seperti melihat, memberikan bahasa isyarat, percakapan dan duduk berdua-duaan. Syeikh Muhammad bin Ismail al-Muqaddam berpendapat bahawa ikhtilat ialah perjumpaan di antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram dan memerlukan pertemuan fizikal. Perjumpaan ini dilakukan di satu tempat yang membolehkan mereka melihat, berisyarat, berkata-kata, menzahirkan tubuh badan dan mereka bebas melakukan perkara kebaikan atau kerosakan.

Takrifan yang dikemukakan oleh kedua-dua ulama di atas di atas menjelaskan pergaulan di antara lelaki dan wanita bukan mahram berlaku melalui perjumpaan secara fizikal. Pertemuan secara maya tidak dimasukkan dalam takrifan di atas berkemungkinan kerana penggunaan teknologi maklumat ketika itu tidak terlalu meluas sebagai mana hari ini. Takrifan di atas juga telah menjelaskan beberapa ciri-ciri pergaulan seperti berlaku percakapan, interaksi, dan bebas melakukan perkara kebaikan atau keburukan. Ciri-ciri ini jelas turut terdapat di dalam pergaulan di antara lelaki dan wanita melalui alam maya.

## Kaedah-kaedah Pergaulan di Alam Maya

Pelbagai medium telah digunakan untuk bergaul dan berhubung dengan orang lain melalui alam maya. Kaedah-kaedah pergaulan di alam maya ini digunakan secara meluas dengan pelbagai tujuan sama ada oleh pengguna lelaki atau wanita. Kaedah atau medium pergaulan di alam maya yang biasa digunakan pada hari ini adalah seperti berikut:

### 1. *Short Message System (SMS)*

*Short Message System (SMS)* atau sistem pesanan ringkas adalah satu perkhidmatan yang ditawarkan melalui telefon bimbit untuk mengirim dan menerima pesanan pendek. Medium ini tidak memerlukan rangkaian internet, tetapi pengguna dikenakan sedikit bayaran. Mutakhir ini, SMS kurang digunakan kerana adanya kemudahan WhatsApp yang ditawarkan secara percuma. Kebiasaannya, SMS hanya menjadi pilihan pengguna apabila tiada rangkaian internet. Ruang untuk menulis pesanan di medium ini agak terhad dan kurang menarik berbanding WhatsApp atau medium-medium lain.

### 2. E-mel dan laman sesawang

E-mel adalah medium perantaraan secara elektronik yang digunakan secara meluas dan membolehkan komunikasi berlaku lebih daripada dua hala. Emel lebih sesuai untuk tulisan yang panjang dan sering digunakan dalam urusan rasmi di pejabat-pejabat. Emel juga berfungsi untuk menyimpan maklumat bertulis, gambar dan video melalui kaedah sistem elektronik (Etika dan Tatacara Penggunaan Emel,

[https://www.idfr.gov.my/images/stories/Did\\_U\\_Know/adakah\\_anda\\_tahu/tatacara\\_dan\\_etika\\_penggunaan\\_email.pdf](https://www.idfr.gov.my/images/stories/Did_U_Know/adakah_anda_tahu/tatacara_dan_etika_penggunaan_email.pdf), dicapai pada 2 Jun 2019).

### 3. Facebook

Laman Facebook merupakan rangkaian sosial yang digunakan untuk mengemaskini aktiviti semasa seseorang atau kumpulan tertentu dan biasanya digunakan untuk menyebarkan sesuatu maklumat. Facebook juga boleh digunakan bagi memuat naik gambar dan video untuk tontonan kenalan di seluruh dunia. Hasilnya manusia dapat berinteraksi, bertukar-tukar pandangan, berkongsi minat, memuat naik dan memuat turun video dan gambar, dan membincangkan isu-isu semasa dengan masyarakat dari serata dunia. Facebook mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dan jumlah penggunaannya telah mencecah ratusan juta sama ada secara individu atau kumpulan (Jabatan Penerangan, Pengaruh dan penggunaan Facebook tanpa Sempadan, <https://www.facebook.com/penerangan>, dicapai pada 5 Januari 2017).

### 4. Aplikasi Twitter, Instagram, Whatsapp, Wechat dan Telegram

Whatsapp adalah salah satu bentuk revolusi media komunikasi yang banyak digunakan pada hari ini. WhatsApp membolehkan seseorang membuat pesanan tanpa melalui khidmat pesanan ringkas yang berbayar. Aplikasi whatsapp perlu dimuat turun melalui telefon pintar dan hanya dapat digunakan sekiranya ada data internet. Dengan

menggunakan whatsapp, penggunaanya dapat melakukan perniagaan secara online, menghantar maklumat, berkongsi gambar, video dan sebagainya sama ada secara personal atau berkumpulan. Aplikasi ini diperkenalkan pada tahun 2009 oleh Brian Acton dan Jan Koum. Kini, aplikasi whatsapp telah bertukar milik kepada Mark Zuckerbeg iaitu pemilik facebook. Industri whatsapp berpusat di California, Amerika Syarikat. (Citra Listya Rini, Duo Milliarder Pencipta Whatsapp Dari Lembah Silikon, <https://www.republika.co.id/berita/nasional/sang-pencerah>, dicapai pada 12 Jun 2019).

Wechat pula ialah suatu rangkaian komunikasi yang lebih kurang sama dengan Whatsapp tetapi ia berbeza sedikit kerana pengguna boleh memuat naik status dan dapat dilihat oleh kenalannya yang turut menggunakan aplikasi Wechat. Interaksi antara lelaki dan perempuan juga boleh berlaku melalui tindakbalas oleh pengguna untuk membincangkan hal-hal peribadi mahupun hal-hal yang berkaitan dengan urusan perniagaan. ([www.wechat.com/ms/faq.html](http://www.wechat.com/ms/faq.html), dicapai pada 12 Jun 2019).

Selain itu, Instagram juga merupakan salah satu medium untuk berhubung. tetapi penggunaannya berbeza dengan facebook, Instagram digunakan untuk memuat naik gambar-gambar peribadi atau gambar kenalan. Interaksi di laman ini berlaku apabila pengguna berbalas komen atau pandangan melalui gambar yang telah dimuat naik. Gambar yang dimuat naik di dalam Instagram boleh dipertontonkan kepada semua pengguna Instagram atau dirahsiakan (Riri Nhuri, Pendiri Instagram, <http://kolombiografi-kevin-systrom-pendiri-instagram>, dicapai pada 3 April 2015). Oleh itu, interaksi di antara lelaki dan wanita juga berlaku melalui Instagram.

Twitter pula tidak kurang hebatnya sebagai media komunikasi pada era moden ini. Twitter ialah komunikasi sosial yang membolehkan pengguna menghantar dan membaca mesej secara ringkas dan cepat. Twitter banyak digunakan oleh golongan muda untuk berinteraksi dengan kawan-kawan yang sama jantina dan yang berlainan jantina. Twitter boleh mendatangkan kesan negatif seperti pergaulan bebas di antara lelaki dan wanita, tetapi boleh juga dijadikan medium dakwah untuk penyebaran ilmu agama. Twitter juga hamper sama dengan penggunaan sistem pesanan ringkas tetapi ia tidak dikenakan bayaran (Zikri Husaini, Pencipta Twitter, <http://zikrihusaini.com/pencipta-twitter-jack-dorsey/>, dicapai pada 13 Jun 2019).

Selain itu, terdapat juga aplikasi telegram yang digunakan untuk berinteraksi dengan kenalan di alam maya. Telegram ialah salah satu rangkaian yang hamper sama seperti sistem pesanan ringkas dan e-mel yang telah diinovasikan secara cepat, ringkas dan mudah. Fungsi telegram adalah sama seperti Whatsapp. Pengguna boleh menghantar mesej, gambar, video dan fail daripada pelbagai jenis dokumen kepada kenalan mereka yang turut memuat naik aplikasi telegram di dalam telefon pintar atau komputer mereka. Sebagaimana aplikasi whatsapp, penggunaan telegram juga tidak terhad melalui telefon, malah ia juga boleh dimuat naik melalui komputer (Mahadir

Ahmad, 10 Apps yang akan menceriaikan Telefon Pintar Anda, <http://www.mahadirlab.com/blog>, dicapai pada 5 Januari 2015).

### **Batasan Pergaulan di Antara Lelaki dan Wanita Bukan Mahram**

Tanpa interaksi di antara lelaki dan wanita, tidak akan wujud generasi cucu cicit Adam a.s. di dunia ini. Pergaulan yang baik di antara berlainan jantina ini akan membawa kepada kemurnian budi pekerti dan kebaikan dalam menyemai sikap saling bantu membantu dan lengkap melengkapi di antara satu dengan yang lain. Dalam Islam, pergaulan di antara lelaki dan wanita diharuskan dalam batasan tertentu.

#### 1. Pertemuan tidak bertujuan membincangkan perkara yang sia-sia dan melalaikan

Islam tidak melarang secara mutlak golongan lelaki dan wanita yang bukan mahram untuk berinteraksi dan berkomunikasi. Malah, Islam memberi kebebasan kepada umatnya untuk membincangkan apa sahaja isu, asalkan isu tersebut benar dan tidak berunsurkan perkara yang ditegah oleh Allah. Islam melarang pertemuan yang bertujuan untuk membincangkan perkara maksiat, perkara yang sia-sia dan tidak mendatangkan kebaikan, atau perkara yang menaikkan nafsu syahwat di antara lelaki dan wanita (Basri Ibrahim, 1998: 274). Firman Allah s.w.t.:

يَا نِسَاءَ النَّبِيِّ لَسْتُنَّ كَأَحَدٍ مِّنَ النِّسَاءِ ۚ إِنِ اتَّقَيْتُنَّ فَلَا تَخْضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرَضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا مَّعْرُوفًا

Terjemahan:

Hai isteri-isteri Nabi, kamu sekalian tidaklah seperti wanita yang lain, jika kamu bertakwa. Maka janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja sehingga berkeinginanlah orang yang ada penyakit dalam hatinya dan ucapkanlah perkataan yang baik, (Surah al-Ahzab: 32)

Dalam ayat di atas, Allah s.w.t. mengingatkan para isteri nabi supaya menjaga adab percakapan dengan lelaki ajnabi. Di antara cara yang boleh menyebabkan para lelaki tergoda ialah apabila seorang wanita berkata-kata dengan lembut dan manja. Allah juga mengingatkan mereka supaya mengucapkan kata-kata yang baik seperti kata-kata yang tidak mengandungi fitnah, penipuan dan yang sia-sia ataupun menaikkan nafsu syahwat lelaki.

#### 2. Menahan pandangan daripada melihat ajnabi dengan pandangan syahwat

Allah s.w.t. menjadikan manusia berpasangan iaitu lelaki dan perempuan sehingga memungkinkan berkembangnya kehidupan manusia di bumi ini. Allah s.w.t. juga menjadikan pada kedua-duanya itu daya saling ingin-mengingini atau tertarik antara satu sama lain. Namun, pandangan di antara lelaki dan wanita bukan mahram perlu dibataskan dengan pandangan tertentu. Setiap muslim perlu menjaga pandangan mereka daripada memandangi ajnabi secara berlebihan dan tidak dibolehkan kepada pasangan

lelaki dan perempuan yang bukan mahram bertatapan mata secara bebas (Fathur Rasyid, 2013). Firman Allah di dalam al-Quran:

﴿قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَرَىٰ لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿30﴾  
وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلَا يَضْرِبْنَ  
بِخُمْرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ﴾

Maksudnya: Katakanlah kepada orang laki-laki yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya; yang demikian itu adalah lebih suci bagi mereka, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka perbuat". Katakanlah kepada wanita yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang (biasa) nampak dari padanya. Dan hendaklah mereka menutupkan kain kudung ke dadanya.. (Al-Nur: 30-31)

Pandangan yang ditegah di antara lelaki dan wanita bukan mahram ialah pandangan yang dilakukan secara bersyahwat dan penuh bernafsu. Namun berdasarkan kaedah fiqih, lelaki dan wanita diharuskan berpandangan dalam keadaan tertentu seperti ketika darurat. Sebagai contoh, seorang wanita yang sakit atau hampir bersalin, beliau dibenarkan untuk mendapatkan rawatan daripada doktor lelaki sekiranya tiada doktor wanita yang boleh merawatnya ketika itu. Malah, doktor lelaki tersebut diharuskan melihat aurat pesakit wanita sekiranya perlu dan tiada pilihan doktor wanita. Namun, perkara yang diharuskan oleh syarak boleh berubah menjadi haram sekiranya membawa kepada fitnah (Yusof Qaradhawi, 1994).

i- Menjaga diri daripada bersentuhan dengan kenalan yang berlainan jantina

Apabila berinteraksi di antara lelaki dan wanita, batas pergaulan mestilah dijaga untuk mengelakkan percampuran di luar batasan Islam. Salah satu masalah yang timbul apabila ahli keluarga berkumpul ialah perbuatan berjabat tangan di antara berlainan jantina yang bukan mahram. Contohnya berjabat tangan di antara adik ipar wanita dengan abang ipar atau berjabat tangan di antara sepupu wanita dengan sepupu lelaki. Rasulullah s.a.w bersabda:

لأن يطعن في رأس أحدكم بمخيط من حديد خير من أن يمسه امرأة لا تحل له

(Riwayat al-Tabrani dan al-Baihaqi)

Maksudnya: "Mana-mana di kalangan anda yang mencucuk kepalanya dengan jarum daripada besi adalah lebih baik kepadanya daripada ia menyentuh perempuan yang tidak halal baginya".

Namun keringanan diberikan sekiranya seorang lelaki berjabat tangan dengan wanita yang sudah terlalu lanjut usianya dan tiada lagi keinginan syahwat. Begitu juga berjabat tangan dengan kanak-kanak yang belum baligh dan tidak mempunyai keinginan

syahwat. Berjabat tangan ketika ini dibolehkan kerana ia adalah selamat daripada sebarang fitnah (Yusof Qaradhawi, 2012).

Bagi menjaga batas-batas interaksi di antara lelaki dan wanita, bersentuhan kulit di antara berlainan jantina mestilah dihindari untuk mengelakkan kemudaratan yang lebih besar. Keadaan ini pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. untuk memberikan teladan kepada umatnya agar melakukan tindakan melindungi diri sebagai usaha menjaga hati daripada bisikan syaitan (Fathur Rasyid, 2013)

ii- Memakai pakaian yang menutup aurat

Pakaian yang menutup aurat disyariatkan oleh Allah s.w.t. bertujuan untuk menjaga maruah dan kemaslahatan seorang wanita. Pergaulan yang bebas di antara lelaki dan wanita dalam keadaan mendedahkan aurat boleh membawa kepada rangsangan dan keinginan syahwat. Dengan ketidakmampuan untuk membatasi keinginan akan mengakibatkan berlakunya perbuatan maksiat seperti khalwat dan perzinaan. Pemakaian yang menutup aurat dapat mengelakkan daripada berlaku fitnah atau maksiat di antara lelaki dan wanita bukan mahram (Sya'wana Aziz, 2011).

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لَأَزُوجِكُمْ وَبَنَاتِكُمْ وَنِسَاءَ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلَابِيبِهِنَّ ۚ ذَلِكَ أَذْنَىٰ أَنْ يُعْرِفُنَّ ۚ فَلَا يُؤْدَيْنَهُنَّ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا

Maksudnya: Wahai Nabi, katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu dan isteri-isteri orang mukmin: "Hendaklah mereka mengulurkan jilbabnya ke seluruh tubuh mereka". Yang demikian itu supaya mereka lebih mudah untuk dikenal, karena itu mereka tidak diganggu. Dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.(Al-Ahzab: 59)

iii-Tidak berdua-duaan atau melakukan khalwat

Islam sangat melarang pergaulan bebas di antara lelaki dan wanita untuk mengelakkan kerosakan yang besar iaitu kesalahan zina. Pengharaman ini adalah untuk mencegah godaan nafsu syaitan supaya manusia tidak terjerumus dalam maksiat yang sangat dikeji oleh Allah. Oleh itu, hukum lelaki dan wanita bukan mahram berdua-duaan di dalam rumah atau di tempat yang sunyi adalah haram (Khalid Abdul Rahman, 2014). Hal ini selari dengan hadis Nabi s.a.w.:

إِنَّ ثَلَاثَهُمَا الشَّيْطَانُ

Maksudnya: “Sesungguhnya yang ketiga ialah syaitan”.

### **Faktor-Faktor Pergaulan Bebas di antara Lelaki dan Wanita Bukan Mahram di Alam Maya**

Pergaulan bebas di alam maya di antara lelaki dan wanita bukan mahram boleh berlaku disebabkan beberapa faktor. Dalam penulisan ini, sebanyak lima faktor dikenal pasti iaitu:

i- Tidak malu untuk meluahkan perasaan di alam maya berbanding secara bersemuka

Komunikasi yang berlaku secara tidak bersemuka menjadikan seseorang itu tidak malu untuk berkongsi pandangan dan meluahkan perasaan mereka. Luahan hati daripada seorang wanita kepada lelaki lebih mudah berlaku melalui alam maya kerana mereka kurang berasa malu dan lebih bebas untuk menulis apa sahaja. Hubungan yang pada awalnya sekadar bertanya khabar dan berkongsi pendapat boleh bertukar kepada hubungan yang bercampur dengan perkara-perkara maksiat dan akhirnya membawa kepada pertemuan secara fizikal. Keadaan menjadi lebih parah apabila pertemuan secara fizikal dilakukan dengan cara berdua-duaan, bersentuhan dan akhirnya menjerumuskan mereka kepada perzinaan. Remaja hari ini yang berasa kurang mendapat perhatian daripada keluarga memilih media sosial sebagai medium untuk mereka meluahkan perasaan sama ada dengan kaum sejenis atau berlainan jenis (Fatin Nabilah Fauzi, 2015: 67).

ii- Hubungan yang dijalin di antara lelaki dan wanita sukar dikesan oleh orang lain

Melalui aplikasi Facebook, SMS, whatsapp, telegram, e-mel dan beberapa aplikasi lain, penggunaanya boleh berkomunikasi secara personal ataupun berkumpulan. Interaksi secara personal sebenarnya lebih membuka ruang kepada pengguna yang berlainan jantina untuk bebas berhubung sehingga sering kali melanggar batasan syarak. Perhubungan kedua-duanya sukar dikesan oleh orang lain kerana hanya lelaki dan wanita yang terlibat sahaja dapat menulis, membaca dan membalas pesanan yang dihantar. Kerahsiaan ini menjadikan pasangan yang terlibat berasa selamat dan selesa berhubung melalui alam maya. Setiap lelaki dan perempuan perlulah menjaga pergaulan dan interaksi mereka sama ada di lam maya atau di alam nyata (al-Qaradhawi: 2012).

iii- Pertemuan semula dengan bekas teman istimewa

Faktor lain yang membawa kepada berlakunya hubungan yang tidak mematuhi hukum Syarak ialah pertemuan semula seseorang dengan bekas teman istimewa yang mungkin dikenali semenjak bersekolah rendah lagi. Pertemuan dengan insan yang sudah lama terpisah ada kalanya membuka semula ruang perhubungan. Hubungan yang awalnya bertujuan untuk bertanya khabar akhirnya boleh mengingatkan mereka nostalgia lama sehingga terjalin semula hubungan sebagai pasangan kekasih. Hal seumpama ini telah banyak berlaku dan menggugat keharmonian rumah tangga sekiranya mereka telah mempunyai keluarga sendiri. (Suami bercinta dengan kekasih lama di Facebook, isteri sangat-sangat sedih. <http://ustazkhalil.blogspot.com/2010/09/suami-bercinta-dengan-kekasih-lama-di.html>, dicapai pada 19 Jun 2019). Masalah ini sebenarnya mengganggu keharmonian sebuah rumah tangga dan akan memutuskan hubungan suami isteri yang sah. Ada juga isteri-isteri yang menjalinkan hubungan dengan bekas teman lelaki mereka melalui alam maya. Perbuatan



memutuskan hubungan suami isteri adalah sangat ditegah oleh Islam melalui sabda Rasulullah s.a.w.:

ليس منا من خيب (إمرأة على زوجها)

“Bukan di kalangan kami (umat nabi Muhammad) orang yang merosakkan hubungan seorang isteri dengan suaminya”.

iv- Terlalu mudah berkongsi gambar dan video peribadi yang tidak selari dengan hukum Syarak

Pengguna Facebook, Twitter, Instagram dan lain-lain aplikasi biasanya akan berasa seronok berinteraksi dengan kenalan mereka sama ada yang sama jantina atau berlainan jantina. Mereka berlumba-lumba memuat turun gambar-gambar yang difikirkan menarik untuk dipertontonkan oleh semua pengguna Facebook, Twitter atau lain-lain. Dalam keghairahan mereka memuat naik gambar dan video, sering kali batasan syariat tidak dipenuhi kerana berlaku pendedahan aurat. Video yang dimuat naik juga sering kali menimbulkan fitnah dan menjatuhkan maruah sesetengah pihak. Walaupun pendedahan aurat dan fitnah berlaku bukan secara langsung atau secara pertemuan fizikal, namun hukumnya tetap sama iaitu haram. Sesetengah pengguna menganggap interaksi antara lelaki dan perempuan secara berduaan diharuskan kerana mereka tidak bertemu secara fizikal, tidak berduaan di tempat yang sunyi dan tidak bercakap perkara yang sia-sia. Firman Allah s.w.t.: al-Nur ayat 30:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَى لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ

Maksudnya: Katakanlah kepada orang laki-laki yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya; yang demikian itu adalah lebih suci bagi mereka, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka perbuat".

v- Sikap terlalu terbuka dalam berkongsi hal-hal peribadi

Islam sememangnya sangat menggalakkan umatnya saling kenal mengenali antara satu sama lain. Namun, Islam tetap membataskan perkenalan di antara lelaki dan wanita bukan mahram dengan tujuan untuk menjaga kemaslahatan yang lebih besar iaitu mencegah berlakunya maksiat seperti khalwat dan zina. Apa yang menjadi masalah ialah pengguna Facebook, Instagram dan lain-lain aplikasi ini yang terlalu mudah menceritakan hal-hal peribadi kepada semua pengguna lain sehingga menimbulkan fitnah dan pelbagai tanggapan negatif.

### **Batasan Pergaulan di Antara Lelaki dan Wanita Bukan Mahram di Alam Maya**

Batasan pergaulan di antara lelaki dan wanita sememangnya dijelaskan dalam Islam melalui ayat al-Quran dan juga hadis. Pergaulan bebas di alam maya sebenarnya berbeza dengan pergaulan bebas di alam nyata kerana tidak ada pertemuan di antara dua pihak secara fizikal. Walaupun demikian, batasan pergaulan tetap perlu dipelihara kerana masih ada ruang

berlaku fitnah dan maksiat walaupun tanpa pertemuan di alam nyata. Menurut Muhammad ibn Syami Syaibah (2010), hukum interaksi yang berlaku di alam maya adalah sama dengan hukum interaksi di alam nyata. Tujuan asal untuk membincangkan urusan kerja atau urusan perniagaan tidak mustahil boleh bertukar menjadi urusan peribadi yang berbaur maksiat. Ini kerana lumrah dan fitrah manusia yang diciptakan oleh Allah s.w.t. adalah tertarik kepada kaum yang berlainan jenis.

Batasan pergaulan di antara lelaki dan wanita bukan mahram di alam maya boleh dijelaskan sebagaimana berikut:

i- Tidak berkongsi gambar atau video peribadi yang tidak menutup aurat dan berunsur tabaruj

Memuat naik gambar dan video di media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram atau aplikasi lain telah menjadi perkara biasa dan semakin digemari oleh masyarakat. Sebagaimana pertemuan secara fizikal, gambar dan video yang dimuat naik mestilah tidak melanggar hukum syarak iaitu tidak berlaku pendedahan aurat dan juga tabaruj atau berlebihan dalam berhias. Ini kerana perbuatan mendedahkan aurat dan amalan tabaruj di dalam gambar atau video boleh membawa kepada boleh membawa kepada rangsangan dan keinginan syahwat.

Perintah menutup aurat disyariatkan oleh Allah swt di dalam firman-Nya:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لَأَزُوجِكُمْ وَبَنَاتِكُمْ وَنِسَاءَ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلَابِيبِهِنَّ ذَلِكَ أَدْنَىٰ أَنْ يُعْرَفْنَ فَلَا يُؤْذَيْنَ ۗ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا

Maksudnya: Wahai Nabi, katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu dan isteri-isteri orang mukmin: "Hendaklah mereka menghidupkan jilbabnya ke seluruh tubuh mereka". Yang demikian itu supaya mereka lebih mudah untuk dikenal, karena itu mereka tidak diganggu. Dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. (Al-Ahzab: 59)

Ayat di atas menjelaskan perintah Allah swt kepada semua kaum wanita supaya melabuhkan pakaian mereka sehingga menutupi seluruh tubuh. Hikmat pelaksanaan perintah tersebut ialah wanita Muslimah tidak akan diganggu oleh lelaki yang berniat buruk kepada mereka. Perintah ini juga tidak mengkhususkan kewajipan menutup aurat hanya dalam penampilan di alam nyata, tetapi diperintahkan secara umum. Ini bermaksud wajib bagi wanita menutup aurat mereka ketika bergambar atau membuat rakaman video. Setiap pengguna media sosial sama ada lelaki atau wanita wajib memastikan gambar dan video yang dimuat naik tidak mengandungi unsur-unsur pendedahan aurat dan tabaruj.

ii- Berhubung dengan tujuan untuk membincangkan atau menyelesaikan urusan penting

Aplikasi Facebook, Twitter, Instagram dan lain-lain telah banyak memudahkan urusan kehidupan manusia. Pelbagai urusan seperti perniagaan, pengiklanan dan

penyebaran ilmu dapat diselesaikan dengan pantas melalui pelbagai medium yang terdapat di alam maya. Justeru, interaksi di antara lelaki dan wanita di alam maya tidak dapat dielakkan, tetapi perlu dibatasi supaya tidak melanggar hukum yang telah ditetapkan. Perkara yang perlu dititik beratkan dalam perhubungan di antara dua golongan ini ialah mereka perlu memastikan perbincangan atau urusan yang dilakukan benar-benar penting. Interaksi yang berlaku bertujuan untuk menyelesaikan urusan tersebut tanpa dicampuri dengan niat lain yang boleh melalaikan. Firman Allah s.w.t.:

﴿فَقَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ﴾ (23:1) ﴿الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ﴾ (23:2) ﴿وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ﴾ (23:3)

Maksudnya: Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya; Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman, Dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia. (Al-Mu'minun:1-3)

### iii-Berhubung dengan tujuan untuk berkongsi ilmu pengetahuan

Menuntut ilmu adalah satu tuntutan dalam agama Islam tanpa mengira jantina. Banyak ayat al-Quran dan hadis yang menjelaskan tuntutan dan kelebihan mereka yang menuntut ilmu. Firman Allah swt:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

Maksudnya: “Supaya Allah SWT meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (daripada kalangan kamu) dengan beberapa darjat”. (al-Mujadalah:11)

Ayat di atas menjelaskan Allah swt meningkatkan beberapa darjat orang yang berilmu berbanding mereka yang tidak berilmu. Kelebihan yang diberikan oleh Allah swt ini membuktikan bahawa pentingnya amalan menuntut ilmu sama ada bagi lelaki atau wanita. Rasulullah saw juga bersabda tentang kelebihan mereka yang ikhlas menuntut ilmu:

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ، وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ، وَيَتَدَارَسُونَهُ بَيْنَهُمْ، إِلَّا نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ، وَعَشِيَتْهُمْ الرَّحْمَةُ وَحَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ، وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ

Maksudnya: “Barang siapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan untuk ke Syurga. Tidaklah satu kumpulan berkumpul di dalam sebuah rumah di antara rumah-rumah Allah, membaca kitab Allah (al-Qur'an) dan mempelajarinya sesama mereka melainkan akan turun kepada mereka sakinah (ketenangan), diliputi ke atas mereka rahmat dan dinaungi oleh malaikat serta Allah SWT akan menyebut mereka pada malaikat yang berada di sisi-Nya”. (Muslim: 4867)

Justeru itu, pergaulan di antara lelaki dan wanita bukan mahram di alam maya dengan tujuan untuk menuntut ilmu diharuskan oleh hukum syarak . Namun, batasan

pergaulan yang telah dihuraikan sebelum ini mestilah dipelihara supaya tujuan dan kaedah pelaksanaannya selari dengan ajaran Islam.

iv- Tidak membincangkan perkara yang sia-sia dan menaikkan nafsu syahwat

Lelaki dan wanita bukan mahram dibenarkan berinteraksi sesama mereka dengan tujuan dan niat yang baik selagi mana perbincangan mereka tidak mengandungi perkara yang sia-sia dan menaikkan nafsu syahwat. Islam juga memberi kebebasan kepada umatnya untuk membincangkan apa sahaja isu, asalkan isu tersebut benar dan tidak berunsurkan perkara yang ditegah oleh Allah termasuklah perkara yang menaikkan nafsu syahwat seseorang. Firman Allah s.w.t.:

يَا نِسَاءَ النَّبِيِّ لَسْتُنَّ كَأَحَدٍ مِنَ النِّسَاءِ ۚ إِنِ اتَّقَيْتُنَّ فَلَا تَخْضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرَضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا مَّعْرُوفًا

Terjemahan:

Hai isteri-isteri Nabi, kamu sekalian tidaklah seperti wanita yang lain, jika kamu bertakwa. Maka janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja sehingga berkeinginanlah orang yang ada penyakit dalam hatinya dan ucapkanlah perkataan yang baik, (Surah al-Ahzab: 32)

Sebagai mana pergaulan secara fizikal atau bersemuka, pergaulan di alam maya juga perlu dipelihara daripada perkara yang sia-sia dan mendorong kepada perzinaan. Dalam ayat di atas, Allah s.w.t. mengingatkan para isteri nabi supaya mengucapkan kata-kata yang baik seperti kata-kata yang tidak mengandungi fitnah, penipuan dan yang sia-sia ataupun menaikkan nafsu syahwat lelaki. Hukum ini sebenarnya bukan hanya terpakai untuk isteri Nabi, tetapi juga merangkumi wanita-wanita yang lain.

## SIMPULAN

Hasil daripada perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa medium-medium yang terdapat di alam maya seperti Facebook, Twitter, Instagram, whatsapp, telegram dan SMS telah memudahkan urusan hidup manusia. Penggunaannya juga sangat meluas tanpa dihadkan kepada golongan muda, tua, kaya, miskin, lelaki atau wanita. Pergaulan di antara lelaki dan wanita bukan mahram di alam maya pula diharuskan oleh hukum syarak dengan syarat tidak melanggar beberapa batasannya iaitu tidak berkongsi gambar atau video peribadi yang mendedahkan aurat, tujuan pergaulan untuk menyelesaikan urusan penting, bertujuan untuk berkongsi ilmu dan tidak membincangkan perkara yang sia-sia dan menaikkan nafsu syahwat. Terima kasih kepada Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di atas segala sokongan yang diberikan di bawah Dana Penyelidikan Universiti (DPU) 2017 yang bertajuk “Pengaruh isu-isu semasa dan setempat Dalam Karya-Karya Fiqh Karangan Tok Pulau Manis” [UniSZA/2017/DPU/30], yang dikendalikan oleh penyelidik dari Fakulti Pengajian Kontemporari Islam.

## REFERENSI

- Basri Ibrahim. 1998. *Himpunan Isu-isu Feqah Terpilih*, Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Fathur Rasyid. 2013. *Dosa-dosa Besar yang Sering Diremehkan Wanita*. Selangor: Al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd.
- Fatin Nabilah Fauzi. 2015. *Interaksi Lelaki dan perempuan di Alam Siber Menurut Fiqh Kontemporari (Latihan Ilmiah)*, Kuala Terengganu: UniSZA.
- Khalid Abdul Rahman Al-'Ik. 2014. *Kitab Fiqh mendidik Anak Berdasarkan Al-Quran dan Al-Sunnah*. Lebanon: Dar al-Makrifah.
- Muhammad ibn Syami Syaibah. 2010. *Ikhtilāf Baina ar-Rijal Wa an-Nisa'*. Qaherah: Dar Qutb Misriyyah. Jilid 1.
- Sya'wana Aziz. 2011. *Peliharalah Dirimu Duhai Wanita*. Kuala Lumpur: Pustaka Ehsan.
- Yusof Al-Qardhawi. 2012. *Fatwa Untuk Wanita*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Yusof Al-Qardhawi. 1994. *Fatwa-fatwa Mutakhir*.

### Artikel:

- Jabatan Penerangan, Pengaruh dan penggunaan facebook tanpa Sempadan, <https://www.facebook.com/penerangan>, dicapai pada 5 Januari 2017.
- Citra Listya Rini, Duo Milliarder Pencipta Whatsapp Dari Lembah Silikon, <https://www.republika.co.id/berita/nasional/sang-pencerah>, dicapai pada 12 Jun 2019
- [www.wechat.com/ms/faq.html](http://www.wechat.com/ms/faq.html), dicapai pada 12 Jun 2019.
- Riri Nhuri, Pendiri Instagram, <http://kolom-biografi-kevin-systrom-pendiri-instagram>, dicapai pada 3 April 2015
- Mahadir Ahmad, 10 Apps yang akan menceriaikan Telefon Pintar Anda, <http://www.mahadirlab.com/blog>, dicapai pada 5 Januari 2015
- Suami bercinta dengan kekasih lama di facebook, isteri sangat-sangat sedih. <http://ustazkhalil.blogspot.com/2010/09/suami-bercinta-dengan-kekasih-lama-di.html>, dicapai pada 19 Jun 2019
- <http://zikrihusaini.com/pencipta-twitter-jack-dorsey/>, dicapai pada 3 April 2015.
- [https://www.idfr.gov.my/images/stories/Did\\_U\\_Know/adakah\\_anda\\_tahu/tatacara\\_dan\\_etika\\_penggunaan\\_email.pdf](https://www.idfr.gov.my/images/stories/Did_U_Know/adakah_anda_tahu/tatacara_dan_etika_penggunaan_email.pdf), dicapai pada 2 Jun 2019.
- [http://kolom-biografi.blogspot.com/2013/12/biografi-kevin-systrom-pendiri-instagram\\_5.html](http://kolom-biografi.blogspot.com/2013/12/biografi-kevin-systrom-pendiri-instagram_5.html). (3 April 2015).